


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Mosti sedia bantu Prof Korea bangunkan papan kekunci tulisan Jawi	BERNAMA
2.	Taking a dig at district office over potholes	The Sun
3.	Inovasi selesaikan masalah rakyat	Utusan Malaysia
4.	Rosli cipta CNC	Utusan Malaysia
5.	Fasa bioekonomi menggalakkan	Utusan Malaysia
6.	Produk aromaterapi semula jadi	Utusan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)



Mosti Sedia Bantu Prof Korea Bangunkan Papan Kekunci Tulisan Jawi

MELAKA, 28 Feb (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** sedia membantu pensyarah dari Busan University of Foreign Studies, Korea Selatan Prof Dr Kang Kyoung Seok untuk membangun dan mengeluarkan papan kekunci khas tulisan Jawi.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata pihaknya akan melihat dengan lebih terperinci tentang perkara tersebut antaranya sama ada usaha tersebut perlu dilakukan dengan kerjasama agensi Mosti atau wakil lain dari negara ini.

Beliau berkata pihaknya juga akan merujuk dengan pelbagai pihak antaranya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi merealisasikan hasrat berkenaan.

"Kita akan lihat apa bantuan yang boleh kita beri dan akan menggunakan peruntukan Mosti yang ada sekiranya projek berkenaan mampu memberi manfaat kepada masyarakat di negara ini," katanya kepada pemberita di sini Ahad.

Beliau ditemui pada majlis penyerahan 25 kompong x-ray kepada tiga persatuan kompong di Melaka yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) Aziph Mustapha.

Bernama sebelum ini melaporkan usaha Kang, 61, seorang pakar tulisan jawi dalam usaha membangunkan papan kekunci untuk kegunaan tulisan jawi antara lain bagi memupuk minat generasi muda terhadap penggunaan bahasa jawi.

Sementara itu Abu Bakar berkata Mosti akan menyalurkan peruntukan berjumlah RM200,000 bagi penghasilan 600 kompong x-ray di seluruh negara menerusi Dana Sosial Inovasi Mosti.

Beliau berkata kesemua kompong berkenaan telah diagihkan kepada 24 persatuan kompong di seluruh negara secara berperingkat bermula November tahun lepas.

"Mosti amat menghargai produk inovasi terutama yang dihasilkan anak tempatan dan kejayaan penghasilan kompong x-ray ini berjaya dikenal menerusi Program Jejak Inovasi pada tahun 2012," katanya.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata kompong berkenaan merupakan hasil inovasi dan kreativiti anak tempatan iaitu Suman Ahmad, 65, dari Bukit Larang Telok Mas di sini menerusi barang terpakai.

Katanya kompong berkenaan dihasilkan menggunakan filem x-ray sebagai alternatif menggantikan kulit lembu sebagai bahan buatan kompong bagi menjimatkan kos dan mesra alam.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS) : MUKA SURAT 1 & 2
TARIKH : 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

ABU BAKAR'S
FACEBOOK PIX

**SIT-IN
PROTEST**

... Science,
Technology
and Innovation
Deputy
Minister
Datuk Abu
Bakar Mohd
Diah sitting
in a pothole
in Malacca,
to display his
dissatisfaction
over alleged
slow action by
authorities to
his complaints.

REPORT ON
PAGE 02 ►



Taking a dig at district office over potholes

PETALING JAYA: Upset over the number of potholes in his constituency, Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Abu Bakar Mohd Diah has taken to Facebook to share his feelings on the matter.

The posting of Malacca MP for Tangga Batu showed him sitting in a pothole to protest the district office's inaction.

"4.40pm in Jalan Bukit Berlian, Bukit Ram-bai ... District office chose to ignore even after

complaints were made. This is the fate of an elected rep, accused of not doing his job. When we make reports, the concerned party ignores. So I'm sitting here in the middle of the road ... Let's all take pictures together, the view here is beautiful," he said cynically.

The post has since garnered over 1,400 likes, 252 shares, and 184 comments, the majority praising and showing support. – by **Amar Shah Mohsen**

sains

Oleh AINUL HUDA MOHAMED SAAD

BILA dan di mana kita boleh memperoleh ubat untuk menyembuhkan demam denggi?

Bagaimana seorang kanak-kanak yang tinggal 60-70 kilometer dari sekolah yang paling hampir dengan kediamannya boleh mendapatkan pendidikan tanpa perlu berpindah rumah?

Masalah kesesakan lalu lintas bolehkah diselesaikan sama sekali?

Yayasan Inovasi

Malaysia atau singkatannya YIM berhasrat mencari penyelesaian, antaranya untuk isu dibangkitkan di atas.

Di bawah Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana, YIM dilantik sebagai agensi utama melaksanakan Program Berimpak Tinggi keenam atau lebih dikenali sebagai HIP6.

Matlamat HIP6 adalah merangsang Inovasi Terangkum atau projek inovasi yang menangani isu yang dihadapi masyarakat seperti



ABDUL RAZAK AHMAD

Inovasi selesaikan masalah rakyat

Yayasan Inovasi Malaysia komited bantu pereka cipta



kemudahan asas seperti tenaga elektrik serta air minuman.

Isu lain termasuk berkaitan dengan pendidikan, penjagaan kesihatan dan daya pengeluaran.

Pengerah program HIP6, Abdul Razak Ahmad berkata, yayasan tersebut berganding bahu dengan pihak yang membuat inovasi di peringkat akar umbi.

Dalam masa yang sama, YIM juga mengalukan kerjasama dengan sesiapa yang mempunyai inovasi yang berkesan, sama ada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau syarikat antarabangsa.

"Matlamat kami adalah untuk memudahkan orang ramai mencari penyelesaian kepada masalah tertentu," kata Abdul Razak.

Menurut beliau, inovasi dalam bentuk teknologi atau produk dianggap terangkum sekiranya ia berkualiti tinggi, mampu milik dan boleh memberi manfaat kepada kumpulan yang besar terutamanya

daripada golongan berpendapatan rendah.

Inovasi terangkum juga memberi akses kepada kualiti di sebalik ketidaksamaan pendapatan.

Abdul Razak menekankan YIM bukan setakat menghasilkan produk murah untuk dijual kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Matlamat YIM adalah mengeluarkan produk serta perkhidmatan yang cemerlang pada harga yang mampu milik kepada kumpulan terasing seperti ibu tunggal, anak yatim, pesakit kronik dan masyarakat pribumi.

"Secara kebetulan kumpulan yang dipinggir ini berkongsi ciri yang sama iaitu mereka berpendapatan rendah atau berada dalam kumpulan '40 ke bawah'.

"Bagaimanapun, tidak tepat jika ada anggapan kami hanya menyasarkan kumpulan berpendapatan rendah kerana ada juga yang berada tetapi terpinggir, tetapi penerima manfaat program ini masih yang berpendapatan rendah," katanya.

Inovasi bukan perkara baru bagi YIM. Sejak ditubuhkan pada 2008, yayasan ini telah mengadakan beberapa program seperti Jejak Inovasi, Set Alat Kelab Inovasi Sekolah dan Ceramah Teh Tarik.

Matlamat program ini untuk merangsang daya kreativiti serta inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Abdul Razak turut menjelaskan bahawa HIP6 bukan subsidi tetapi program bantuan yang berdasarkan produk

PP
Apa yang YIM lakukan adalah untuk membantu penghasil inovasi. Kami akan cuba memperelokkan reka bentuk jika boleh dan kemudian memasarkan produk itu."

tertentu.

Menurut beliau, produk yang dihasilkan itu perlu melalui saluran pasaran yang boleh dibeli kumpulan terpinggir pada harga yang mereka mampu.

"Apa yang YIM lakukan adalah untuk membantu penghasil inovasi. Kami akan cuba memperelokkan reka bentuk jika boleh dan kemudian memasarkan produk itu."

"Sebelum itu, kami akan melindungi Hak Harta Intelek (IP) dan memastikan IP itu kekal dengan mereka," katanya sambil menambah bahawa mampu juga kriteria penting untuk inovasi.

Menurut Abdul Razak, terdapat dua



SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)



aspek mampan yang perlu ada iaitu teknologi atau inovasi mampan serta perniagaan mampan.

"Adakalanya penghasil inovasi tidak mempunyai kemampuan untuk menjalankan perniagaan sendiri kerana mereka biasanya hanya berminat menyelesaikan masalah.

"Mereka ini tidak boleh menjadi ahli perniagaan yang baik dan ini akan menjelaskan kemampuan mengelakkan pencapaian prestasi baik perniagaan mereka," jelas Abdul Razak.

Beliau memberi contoh Wak Wagiman, penghasil inovasi dari Muar, Johor berjaya menghasilkan sebuah kenderaan pelbagai guna atau traktor untuk kerja-kerja di ladang kelapa sawit.

Gerabak Ayer Hitam yang melibatkan kos hanya RM10,000 hingga RM15,000 berbanding traktor biasa yang berharga RM100,000 hingga RM150,000.

Menurut Abdul Razak, Wak Wagiman yang begitu merendah diri berjaya menjual beberapa unit traktornya yang "tidaklah seberapa rupanya" sebelum YIM datang menawarkan bantuan.

YIM yang memikul pelbagai peranan menjalin kerjasama dengan banyak pihak seperti Institut Jerman-Malaysia, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Giatmara, Platcom, Yayasan Inovasi Kebangsaan India, Global Research Alliance dan Honeybee Network.

Yang lain adalah Siteo Akang, petani dari Keningau yang menghasilkan mesin pembanting padi dan Hamid Jasmin, tukang kebun sekolah yang berjaya menghasilkan sistem hidro mini yang menjana elektrik di kampungnya, Kampung Libang Laut, berhampiran Kota Kinabalu.

Sebagai tambahan kepada senarai ini terdapat beberapa projek inovasi yang menyediakan pendapatan kepada penduduk tempatan.

Antara projek itu ialah pembuatan tuhu (sejenis makanan tempatan Kadazan Dusun) oleh Wasinah Kuntagil dan pembuatan produk berdasarkan halia oleh Henry Charles.

Kedua-dua penghasil inovasi ini berasal dari Tambunan, Sabah dan mempunyai Indikator Geografi (GI) Hak Harta Intelek, serupa dengan minuman sparkling wine dari rantau Champagne, Perancis.

- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

Rosli cipta CNC

MOHAMAD ROSLI ISHAK berusia 36 tahun, berasal dari Jasin, Melaka, merupakan seorang pereka cipta mesin *Computer Numerical Control* atau lebih dikenali sebagai CNC.

Dia mula berkecimpung dalam bidang reka cipta setelah tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Selepas peperiksaan SPM dia berhijrah ke Singapura dan bekerja di kilang elektronik selama beberapa tahun sebelum berpindah ke ibu negara dan bekerjasama dengan pereka cipta terkenal, Zulkifli Haron yang juga pengasas Zull Design Autotronic (ZDA). Untuk menghasilkan pelbagai produk kreatif dalam bidang elektronik.

Tidak lama kemudian Mohamad Rosli mula bergerak solo sebagai pereka cipta dan produk pertamanya ialah sebuah mesin CNC.

Mesin CNC ialah mesin pemotong besi berprogram dan sering digunakan di kilang-kilang dan amat mahal harganya.

Terdapat pelbagai jenis mesin CNC dan yang diilhamkan oleh Mohamad Rosli adalah mampu milik dan boleh digunakan oleh syarikat kecil yang tidak mempunyai modal yang besar.

Dia mendapat idea mencipta mesin CNC semasa di Singapura. Syarikat tempat Mohamad Rosli bekerja membuat projek membaiki mesin basuh dobi.

Dia mendapat mesin tersebut sangat efisien dan dapat menyediakan perkhidmatan dobi pada harga rendah. Ia memberi ilham kepada beliau untuk menghasilkan mesin basuh yang lebih baik lagi.

Berikutnya kesukaran untuk memotong besi bagi menghasilkan *Dobi Vending Machine*, dan ditambah pulu dengan kos yang terlalu tinggi untuk membeli seunit mesin tersebut, Mohamad Rosli bertindak positif membina sendiri mesin CNCnya.

Bermula dengan belajar daripada video di YouTube dan memerah keringat membuat kajian selama tiga tahun, mesin tersebut berjaya dihasilkan dan



MOHAMAD Rosli menunjukkan mesin CNC.



Proses Pembuatan Box

Tidak perlu tebuk dinding

ANTARA sumbangan Mohamad Rosli hasil idea kreatifnya.

berfungsi sempurna. Menurutnya, jika di luar negara, mesin tersebut sudah menjadi keutamaan untuk kegunaan industri namun ia masih baharu di negara ini.

Oleh itu, Mohamad Rosli juga telah menaiktaraf dan meningkatkan keupayaan perisian dan teknikal mesin tersebut agar dapat di gunakan dan selari dengan industri tempatan.

Berbekalkan bantuan modal daripada UMNO, rakan-rakan dan

pinjaman daripada Tekun Nasional yang berjumlah hampir RM40,000, dia berjaya menghasilkan mesin tersebut secara berperingkat selama tiga tahun. Bahagian mesin bagi produk CNC ini kebanyakannya adalah barang terpakai yang diimport dari China. Mesin CNC ini dihasilkan di kedainya sendiri iaitu di Taman Bukit Tembakau, Melaka.

Sehingga ke hari ini, dia berjaya menghasilkan sebanyak lima unit mesin CNC yang setiap unit berharga antara RM 20,000 hingga ke RM100,000 mengikut spesifikasi, fungsi dan juga kehendak pelanggan.

Usaha Mohamad Rosli mula dijejaki oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) pada tahun 2013 lagi menerusi inovasi *Dobi Vending Machine*. Seterusnya, pada tahun 2014, YIM telah melawatnya menerusi program *Outreach* dan telah menunjukkan produk inovasi ciptaan beliau yang terbaru iaitu mesin CNC.

YIM menerusi Program Berimpak Tinggi (HIP) telah memilih inovasi produk mesin CNC sebagai salah satu produk di bawah program ini. Program ini adalah salah satu program yang terdapat dalam Pelan Induk Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) yang di terajui oleh SME Corp.

Justeru, YIM telah membantu, mempromosi dan mengenangkan produknya kepada pelanggan berpotensi. Selain itu, YIM juga akan menjadikan agen pemasaran mesin CNC tersebut ke sekolah-sekolah vokasional di seluruh negara.



MOHAMAD ROSLI (dua dari kanan) bersama pegawai Yayasan Inovasi Malaysia.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

sains



DASAR BIOTEKNOLOGI KEBANGSAAN:

FASA 1
Pembangunan Kapasiti (2005 - 2010)

FASA 2
Sains kepada Perniagaan (2010 - 2015)

FASA 3
Perniagaan Peringkat Global (2016 - 2020)

Sembilan teras utama Dasar Kebangsaan Bioteknologi:

1. Meningkatkan nilai keberhasilan dalam sektor agrikultur.

2. Mengkomersialkan penemuan ubat-ubatan pembangunan bio (bio-generic drugs) dan produk alam semula jadi berkaitan kesihatan.

3. Meningkatkan peluang untuk pemprosesan bio dan pengeluaran bio.

4. Membangunkan pusat kecemerlangan bioteknologi menerusi kajian dan pembangunan (R&D).

5. Pembangunan tenaga kerja tempatan menerusi pendidikan, latihan dan aktiviti kajian.

6. Menyediakan sokongan dana menerusi makmal kompetitif kepada sumbangan pasaran dan insentif.

7. Melindungi hak cipta dan sediakan undang-undang berkaitan proses bioteknologi dan perniagaan.

8. Perkenalkan bioteknologi Malaysia ke mata dunia.

9. Agensi kerajaan yang terlibat menjadi peneraju industri bioteknologi.

Fasa bioekonomi menggalakkan

BiotechCorp terus pacu perkembangan dalam fasa kedua dasar bioteknologi

ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com.my



PERKEMBANGAN pembangunan bioekonomi kini dilihat menjanjikan impak positif kepada rakyat dan negara ini. Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) kini sedang berusaha gigih bagi memastikan sektor bioekonomi bakal terus berkembang lancar.

Agensi tersebut melaksanakan pelbagai program kesedaran dalam kalangan institusi kewangan, pelabur-pelabur penting, penyumbang, koridor, dan kerajaan agar terus menyokong dengan menyediakan dana secukupnya untuk sektor itu.

Menurut ketua pegawai eksekutifnya, **Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal**, bioteknologi merupakan produksi dan utilisasi berdasarkan sumber biologi, inovasi berdasarkan proses biologi dan prinsip penghasilan produk dan perkhidmatan yang mampu merentasi semua sektor ekonomi.

Jelasnya lagi, penglibatan BiotechCorp

pada Persidangan Bioekonomi Global di Jerman baru-baru ini merupakan kesungguhan pihaknya dalam mengembangkan bioekonomi sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Sesi Jaringan Pelaburan Bioekonomi merupakan salah satu usaha menyedarkan semua pihak akan kepentingan sektor ini.

"Sehingga kini, BiotechCorp telah berjaya menjana pelaburan sekitar RM25 bilion dan berjaya menepati sasaran NBP (Dasar Bioteknologi Kebangsaan) sekitar RM9 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Sesi Jaringan Pelaburan Bioekonomi yang berlangsung di ibu negara baru-baru ini.

Tambahnya, antara pelabur terbesar adalah Genting Elevance di POIC, Lahad Datu, Sabah, Biocon dari India, Verdezyne dari Amerika Syarikat serta Sunlight Inno Seafood yang mencecah nilai pelaburan RM5 bilion.

Pelaburan tersebut juga merupakan hasil pengenalan Program Transformasi Bioekonomi (BTP) pada 2012.



KULTUR tisu antara penyelidikan bioteknologi yang diberi tumpuan.

BTP merupakan program penerusan daripada NBP yang memfokus kepada industri berasaskan bio.

Program itu juga merupakan program transformasi berasaskan potensi bioekonomi bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, inklusif dan mampu.

Menerusi BTP, bioekonomi akan memberi manfaat kepada masyarakat dan negara melalui peningkatan produktiviti agrikultur, penemuan-penemuan baharu dalam sektor penjagaan kesihatan dan pelbagai lagi seperti di negara-negara maju.

Selain itu katanya, mekanisme pelaburan dan perolehan dana yang begitu menggalakkan di negara ini dilihat dapat membantu syarikat berasaskan bio berkembang daripada berstatus tempatan kepada antarabangsa.

"Perkembangan pelaburan berasaskan bio dalam negara menunjukkan kita bergerak di atas landasan yang betul.

"Saya juga amat positif tentang masa depan bioekonomi dalam negara membangun seperti Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, program GTP juga bakal menyediakan GNI (Gross National Income) sekitar RM48 bilion serta menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 170,000 malah turut menarik minat pelaburan sebanyak RM50 bilion lagi menjelang tahun 2020.

Antara projek yang dilaksanakan menerusi GTP adalah seperti pengembangan kilang cGMP Stearic

Mekanisma pelaburan dan perolehan dana yang begitu menggalakkan di negara ini dilihat dapat membantu syarikat berasaskan bio berkembang daripada berstatus tempatan kepada antarabangsa."



SAMBUNGAN...
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 29 FEBRUARI 2016 (ISNIN)

sains



Acid Powder dan MCT (Middle Chain Triglyceride) oleh Lipidchem Sdn. Bhd. di Masai, Johor.

Seterusnya projek Liquid Immersion Bioreactor Method untuk mengkomersialkan nanas MD2 oleh Agrovery Sdn. Bhd. di Gemencheh, Negeri Sembilan.

"Projek ini menggunakan teknologi kultur tisu tempatan untuk meningkatkan pengeluaran benih nanas MD2," katanya.

Antara lain, projek pembiaian besar-besaran *Haematococcus pluvialis* untuk penghasilan Natural Astaxanthin oleh Sciencegates Biotech Sdn. Bhd. di Kuala Muda, Kedah.

Sehingga kini, BiotechCorp telah berjaya menghasilkan hampir 267 syarikat berstatus BioNexus.



ANTARA produk yang dihasilkan Tropical BioEssences Sdn. Bhd.

Produk aromaterapi semula jadi

SIAPA sangka dengan bermula sebagai seorang penyelidik, **Mohd. Khairil Said** kini menjadi Pengasas dan Pengarah Urusan di sebuah syarikat pengeluar produk berdasarkan minyak pati, ekstrak herba dan tumbuhan semulajadi, Tropical Bioessence Sdn. Bhd. (Tropical Bioessence).

Pada awalnya, syarikat yang mula ditubuhkan pada tahun 2005 itu adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Institut Bioteknologi Melaka dan Mohd. Khairil berkhidmat sebagai penyelidik di institut tersebut selain berperanan untuk mengkomersialkan penyelidikan yang dihasilkan oleh syarikat berkenaan.

Berbekalkan semangat untuk bergelar usahawan, Mohd. Khairil nekad dan mengambil langkah berani untuk berhenti bekerja. Pada tahun 2007, dengan kelulusan pinjaman daripada Mara sebanyak RM1.6 juta, beliau telah membeli syarikat dan hasil penyelidikan daripada Tropical Bioessence.

Daripada situ, bermula lagi sebuah fasa baru bagi Mohd. Khairil apabila perlu melibatkan diri dalam perniagaan dan dalam masa yang sama bertindak sebagai penyelidik bagi menghasilkan produk-produk baharu untuk syarikatnya.

"Tidak dinafikan bahawa cabaran utama yang perlu sahaja tempuh adalah untuk belajar mengenai perniagaan kerana sebelum ini saya merupakan seorang penyelidik, jadi saya tidak memiliki sebarang asas dalam perniagaan."

"Justeru, saya telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menambah ilmu dalam perniagaan seperti mempelajari cara-cara untuk berurusan dan meyakinkan pelanggan."

"Bukan itu sahaja, saya juga belajar bagaimana cara untuk menguruskan sistem kewangan syarikat. Bagaimana untuk mentadbir syarikat, menjalankan sistem import eksport dan sebagainya," katanya ketika ditemui di ibu pejabat Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Pada masa ini, Tropical Bioessence adalah pembekal utama di negara ini bagi produk berdasarkan minyak pati dan ekstrak herba. Prestasi cemerlang yang ditunjukkan sepanjang tahun meletakkan Tropical Bioessence sebagai sebuah syarikat yang memberi nilai



MOHD. KHAIRIL SAID

produk kepada pengguna dan dalam masa yang sama turut mengikut trend produk terkin.

Pertumbuhan perniagaan yang kukuh yang ditunjukkan syarikat ini pada asalnya adalah berstrukturnya sebagai pengeluar minyak pati dan ekstrak herba kepada pengguna akhir.

Walau bagaimanapun, disebabkan permintaan tinggi produk-produk semulajadi terutama produk aromaterapi, Tropical Bioessence kini mempunyai beberapa pengedar dan peniaga untuk memenuhi permintaan. Hal ini membuktikan bahawa

syarikat ini telah mencapai kejayaan berterusan dengan adanya permintaan dan perkembangan produk berdasarkan bidang aromaterapi.

Antara beberapa produk minyak pati yang ditawarkan adalah minyak pati gred terapeutik dan produk minyak pati yang digunakan untuk kelengkapan industri.

"Tropical Bioessence akan sentiasa membangunkan produk barisan baharu yang direka khas bagi membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat agar hidup lebih sihat dan bahagia.

Oleh sebab itu, Tropical Bioessence akan sentiasa melakukan penyelidikan saintifik dengan kemudahan canggih secara berterusan demi memastikan produk yang dihasilkan adalah asli, berkualiti dan berkesan," katanya.

Sutra jadi pilihan

AROMATERAPI adalah salah satu kaedah rawatan melalui bau yang menggunakan titisan minyak pati tumbuhan sama ada dilakukan dengan cara urutan badan, dimasukkan ke dalam wap air panas atau dititis ke dalam tab mandi dan sebagainya demi mendapatkan keharuman.

Menurut **Mohd. Khairil Said** produk yang dikeluarkan oleh syarikatnya di bawah jenama Sutra yang mengetengahkan tiga jenis produk iaitu ekstrak herba, minyak pati dan aromaterapi adalah sebuah jenama yang dapat membantu orang ramai untuk mengurangkan tekanan dan sesuaikan dengan dalam aktiviti sehari-hari.

"Dari segi saintifik, minyak pati mempunyai ratusan komponen fitokimia yang terhasil daripada tumbuhan dan dapat memberikan rasa, aroma atau warna pada tumbuhan itu, manakala dari segi aromaterapi puja, minyak pati ada keupayaan untuk bertindak balas dengan sistem badan."

Jelas beliau, apabila minda disegarkan dengan bau-bauan, maka sistem hormon akan bertindak balas. Bau-bauan tersebut akan difiksir oleh bahagian dalam otak, lalu hormon yang baik akan dibebaskan bagi

memberi kesegaran pada tubuh badan.

Menurutnya lagi produk aromaterapi Sutra mempunyai pelbagai keistimewaan antaranya, setiap produk yang dihasilkan telah menjalani kajian dan pembangunan yang teliti, menggunakan minyak pati tulen yang dihasilkan sendiri selain kilang Sutra mendapat pengiktirafan daripada syarikat Bionexus.

"Harga produk kami juga lebih murah dan berpatutan dan tidak mempunyai kesan sampingan. Menariknya lagi, produk Sutra sesuai digunakan bermula dari hujung rambut hingga ke hujung kaki," katanya.

Tambahnya lagi, jenama Sutra semakin kukuh dalam pasaran apabila jualan produk tersebut berjaya mencecah RM5 juta bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini.

"Sehingga kini, produk aromaterapi kami telah berjaya dipasarkan di seluruh negara dan lebih membangunkan lagi berjaya menembusi pasaran antarabangsa apabila mendapat sambutan menggalakkan di Indonesia, Singapura, Brunei, Abu Dhabi, Belanda dan beberapa negara lain," katanya.